



## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604, Johor Bahru  
Johor Darul Ta'zim  
Unit Pembangunan Bakat Murid , Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000  
Pengarah : 07-231 0198  
Timbalan : 07-231 0191  
Faks : 07-234 7132  
Laman Web : [www.jpnjohor.moe.gov.my](http://www.jpnjohor.moe.gov.my)  
E-mel : jpn.johor@moe.gov.my  
Telefon : 07-2311484 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami: JPNJ.600-3/2/17 Jld. 17(01)

Tarikh : 10 Jun 2024

Pegawai Pendidikan Daerah,  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

Tuan,

### KARNIVAL KADET REMAJA SEKOLAH (KRS) DAN TUNAS KADET REMAJA SEKOLAH (TKRS) PERINGKAT NEGERI JOHOR 2024 SECARA DALAM TALIAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Unit Pembangunan Bakat Murid, Jabatan Pendidikan Negeri Johor (JPN Johor) akan mengadakan Program Karnival Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) Peringkat Negeri Johor 2024 secara dalam talian.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor menjemput murid untuk menyertai program berkenaan. Penglibatan murid dalam program ini dapat memberi impak yang besar dan memberi manfaat kepada murid di sekolah dalam pelbagai aktiviti selain pembentukan disiplin, jati diri, sahsiah, memupuk nilai sivik, patriotisme dan perpaduan kaum.

4. Walau bagaimanapun, pihak tuan perlu mencalonkan **sebanyak 3 pasukan Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan sebanyak 3 Pasukan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS)** yang telah dinilai peringkat daerah bagi setiap acara kategori berkumpulan dan kategori individu. Rakaman video yang terpilih hendaklah dihantar melalui pautan pada atau sebelum **14 Julai 2024**. Maklumat program berkenaan boleh dirujuk melalui **kertas konsep yang dilampirkan**.

5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pegawai kami, **Encik Basri Efendi Bin Masri**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor sedia dihubungi di talian **07-2312493** atau **012-7410257** untuk maklumat lanjut. Kerjasama dan sokongan pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.


**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(MOHD ROSLI BIN MOHD OTHMAN)  
Timbalan Pengarah  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

s.k 1. Pengarah Pendidikan Negeri, Jabatan Pendidikan Negeri Johor





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



**KERTAS KONSEP  
KARNIVAL KADET REMAJA SEKOLAH  
(KRS) DAN TUNAS KADET REMAJA  
SEKOLAH (TKRS) 2024  
PERINGKAT KEBANGSAAN  
(SECARA DALAM TALIAN)**

**Anjuran:**

**BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**Pengelola:**

**JABATAN PENDIDIKAN JOHOR**

**KARNIVAL KADET REMAJA SEKOLAH (KRS) DAN TUNAS KADET REMAJA  
SEKOLAH (TKRS) PERINGKAT KEBANGSAAN 2024**  
**SEKOLAH-SEKOLAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**1.0 Pendahuluan**

Kegiatan kurikulum bermaksud apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah yang memberikan murid peluang untuk mengukuh dan menambah serta mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di dalam bilik darjah. Gerak kerja kurikulum ini hendaklah dilaksanakan secara terancang di semua peringkat dengan menerapkan nilai-nilai murni, jatidiri, khidmat masyarakat, keusahawanan dan alam sekitar yang menjurus ke arah pembangunan potensi dan pembentukan karakter murid.

Karnival Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) merupakan inisiatif penting yang dilaksanakan oleh KPM dengan sokongan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) untuk ahli-ahli KRS dan TKRS dalam untuk memberi peluang kepada murid memamerkan kemahiran teknologi maklumat di samping membuat perkongsian kemahiran dan pengalaman yang ada pada murid. Pelaksanaan program ini diharap dapat memberi ruang kepada murid untuk berkongsi kemahiran ilmu pasukan badan beruniform meskipun pelaksanaan aktiviti secara bersemuka seperti perkhemahan, kursus, dan sebagainya belum lagi dapat dilaksanakan.

## **2.0 Objektif Aktiviti**

- 2.1** Memupuk disiplin, sahsiah, jati diri, kepimpinan serta penerapan nilai-nilai murni dalam kalangan ahli pasukan badan beruniform;
- 2.2** Berkongsi kemahiran ilmu pasukan badan beruniform yang dipelajari daripada guru dan jurulatih;
- 2.3** Melahirkan murid yang mempunyai Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) serta meningkatkan bilangan murid yang boleh mengaplikasikan teknologi digital dalam kehidupan; dan
- 2.4** Memastikan murid mempraktikkan karamah insaniah melalui adab-adab yang terpuji walaupun pelaksanaan dibuat secara dalam talian.

## **3.0 Pelaksanaan Aktiviti**

- 3.1** Karnival Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) dijalankan dalam dua (3) peringkat iaitu peringkat daerah, negeri dan peringkat kebangsaan. Pelaksanaan di peringkat negeri akan diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) manakala program peringkat kebangsaan akan dikelolakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi peringkat daerah bergantung kepada pengurusan JPN masing-masing.
- 3.2** Tarikh pertandingan ini dijalankan adalah seperti berikut:
  - (a) **Peringkat Daerah** : Jun 2024 (dalam talian)
  - (b) **Penghantaran Peringkat Negeri Johor** : 14 Julai 2024 (dalam talian)
  - (c) **Penghantaran Bahan Kebangsaan** : 22 - 25 Ogos 2024 (dalam talian)
  - (d) **Penjurian Kebangsaan** (dalam talian) : 2 – 4 September 2024
- 3.3** Pertandingan ini melibatkan aktiviti **berkumpulan dan individu**. Sila rujuk setiap modul bagi syarat-syarat pertandingan yang lebih terperinci.
- 3.4** Pertandingan ini terbuka kepada:
  - (a) Kadet Remaja Sekolah (KRS) : Putera & Puteri
  - (b) Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) : Putera & Puteri

**3.5 Ringkasan maklumat pertandingan dan penyertaan:**

MODUL	PERTANDINGAN	KATEGORI	PENYERTAAN KRS		PENYERTAAN TKRS	
1	<b>Bantu Mula</b>	5 orang sepasukan	3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri		3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri	
			5 putera	5 puteri	5 putera	5 puteri
2	<b>Gajet Perkhemahan</b>	5 orang sepasukan	3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri		3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri	
			5 putera	5 puteri	5 putera	5 puteri
3	<b>Ikhtiar Hidup</b>	5 orang sepasukan	3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri		3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri	
			5 putera	5 puteri	5 putera	5 puteri
4	<b>Tali Temali</b>	5 orang sepasukan	3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri		3 pasukan penyertaan bagi setiap negeri	
			5 putera	5 puteri	5 putera	5 puteri
5	<b>Hafazan Surah dan Doa (kadet Islam sahaja)</b>	Individu	3 individu penyertaan bagi setiap negeri		3 individu penyertaan bagi setiap negeri	
			Individu	Individu	Individu	Individu
6	<b>Pengucapan Awam (kadet bukan Islam sahaja)</b>	Individu	3 individu penyertaan bagi setiap negeri		3 individu penyertaan bagi setiap negeri	
			Individu	Individu	Individu	Individu

Pecahan bilangan penyertaan keseluruhan Kebangsaan

Daerah	Acara	Kategori	Ahli	Penyertaan	Jumlah
11	4	4	5	3	2640
11	2	4	1	3	264

Nota: 11 daerah = 2904 orang peserta (792 video)

**1 Negeri = 264 orang peserta (72 video)**

#### **4.0 Syarat Umum Pertandingan**

- 4.1 Penyertaan terbuka kepada semua peserta Kadet Remaja Sekolah (KRS) dan Tunas Kadet Remaja Sekolah (TKRS) sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
- 4.2 Setiap peserta hanya dibenarkan **menyertai satu (1) acara sahaja**. Jika didapati peserta menyertai lebih daripada satu (1) acara, penyertaan akan **DIBATALKAN**.
- 4.3 Paparan video **WAJIB** dalam keadaan melintang (*horizontal*). Jika paparan video secara menegak, penyertaan peserta akan **DIBATALKAN**.
- 4.4 Setiap rakaman video **tiada unsur gangguan** audio dan video semasa persembahan. Penyertaan akan **DIBATALKAN** jika terdapat gangguan audio dan video yang nyata sehingga mengganggu kualiti audio dan video semasa rakaman.
- 4.5 Penggunaan **semua jenis mikrofon tambahan** adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK AKAN DINILAI**.
- 4.6 Semua video penyertaan **tidak boleh dimuat naik** ke mana-mana portal / media sosial / blog sebelum keputusan diumumkan secara rasmi oleh penganjur.
- 4.7 Pihak penganjur **berhak menolak atau membatalkan** mana-mana penyertaan yang **meragukan / tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan**. Hakim akan merujuk kepada Ketua Hakim untuk pengesahan status penyertaan peserta.
- 4.8 Penganjur tidak bertanggungjawab atas sebarang tuntutan akibat pelanggaran hasil hakcipta.
- 4.9 Video penyertaan hendaklah dimuat naik ke **YouTube (tetapan unlisted)**, seterusnya melengkapkan pendaftaran yang disediakan oleh urus setia. Jika terdapat video tidak di **tetapan unlisted** penyertaan akan **DIBATALKAN**.

## **1.0 BANTU MULA**

### **1.0 Kategori**

- (a) Berkumpulan (5 orang) TKRS Putera
- (b) Berkumpulan (5 orang) TKRS Puteri
- (c) Berkumpulan (5 orang) KRS Putera
- (d) Berkumpulan (5 orang) KRS Puteri


### **1.1 Perlaksanaan aktiviti**

#### **1.1.1 TKRS Putera / Puteri - RAWATAN TAPAK TANGAN DAN CEDERA DI KEPALA**

- 1.1.1.1 Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan satu video perlakuan rawatan kecederaan tersebut.
- 1.1.1.2 Peserta boleh menggunakan bantuan rakan kumpul sebagai **mangsa** dan dibenarkan memakai pakaian bebas mengikut situasi kemalangan.
- 1.1.1.3 Peserta wajib membuat rawatan dan membuat penerangan lisan rawatan yang dibuat.
- 1.1.1.4 Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** atau **Uniform penuh**. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**

#### **1.1.2 KRS Putera / Puteri (KECEDERAAN PATAH TULANG KERING DAN BUAT USUNGAN)**

- 1.1.2.1 Setiap kumpulan dikehendaki menghasilkan satu video melakukan rawatan kecederaan patah tulang kering. Rujuk gambar 1
- 1.1.2.2 Peserta perlu membuat satu usungan dengan menggunakan bahan semula jadi dan bahan yang sesuai sedia ada.
- 1.1.2.3 Peserta boleh menggunakan bantuan rakan kumpul sebagai **mangsa** dan dibenarkan memakai pakaian bebas mengikut situasi kemalangan.
- 1.1.2.4 Peserta wajib membuat lakukan rawatan dan membuat penerangan lisan rawatan yang dibuat.
- 1.1.2.5 Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** atau **Uniform penuh**. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**



Gambar 1

## 1.2 Syarat Pertandingan

3.3.1 Elemen yang diuji ialah kaedah rawatan yang betul.

3.3.2 Peserta hendaklah memberi penerangan dan menunjukkan semua perbuatan dengan jelas.

3.3.3 Syarat penghasilan video:

- (a) Paparan video hendaklah secara berterusan bermula dari langkah pertama hingga selesai.
- (b) Video boleh disunting tetapi tidak menjaskan langkah-langkah rawatan dan tiada rakaman suara berasingan.
- (c) Masa video berdurasi tidak kurang dari **3 minit 30 saat** hingga **4 minit maksimum**. Video yang **melebihi durasi 4 minit TIDAK AKAN DINILAI**.
- (d) Kreativiti dinilai dengan penambahan kesan grafik dan persempahan.

### **1.3 Penilaian dan Pemarkahan**

#### **3.4.1 Bantu Mula TKRS Putera / Puteri**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM / PERKARA</b>	<b>MARKAH</b>
(a)	Langkah-langkah bantu mula	20
(b)	Kaedah rawatan yang digunakan - tangan	20
(c)	Kaedah rawatan yang digunakan - kepala	30
(d)	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	25
(e)	Separasi Uniform / Uniform penuh	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

#### **3.4.1 Bantu Mula KRS Putera / Puteri**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM / PERKARA</b>	<b>MARKAH</b>
(a)	Langkah-langkah bantu mula	20
(b)	Kaedah rawatan yang digunakan	20
(c)	Kaedah pembinaan usung dan penerangan	30
(d)	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	25
(e)	Separasi Uniform / Uniform penuh	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

## **2.0 GAJET PERKHEMAHAN**

### **2.0 Kategori**

- (a) Berkumpulan (5 orang) KRS Putera
- (b) Berkumpulan (5 orang) KRS Puteri
- (c) Berkumpulan (5 orang) TKRS Putera
- (d) Berkumpulan (5 orang) TKRS Puteri

### **2.1 Perlaksanaan Aktiviti**

#### **2.1.1 KRS Putera / Puteri**

- (a) Penyertaan adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **gajet** dan **pembentangan**.
- (c) Setiap pasukan dikehendaki membina satu **set gajet menara peninjau**
- (d) Pembinaan gajet **selain** daripada yang ditetapkan adalah **tidak diterima**.
- (e) Gajet dibina hanya menggunakan **kayu** atau **buluh** sahaja yang bersesuaian.
- (f) Gunakan tali yang sesuai.
- (g) Pembinaan **mini gajet** adalah **tidak dibenarkan**.
- (h) Saiz ketinggian gajet menara peninjau antara **10 - 12 kaki**
- (i) Peserta perlu menerangkan setiap ikatan dan simpulan yang digunakan dalam pembinaan gajet.

### **2.1.2 TKRS Putera / Puteri**

- (a) Penyertaan adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **gajet** dan pembentangan.
- (c) Setiap pasukan dikehendaki membina **sebuah gajet meja makan bersaiz untuk 4 orang**.
- (d) Pembinaan gajet **selain** daripada yang ditetapkan adalah **tidak diterima**.
- (e) Gajet dibina hanya menggunakan **kayu atau buluh** sahaja yang bersesuaian.
- (f) Gunakan tali yang sesuai.
- (g) Pembinaan **mini gajet** adalah **tidak dibenarkan**.
- (h) Pasukan perlu menerangkan setiap ikatan dan simpulan yang digunakan dalam pembinaan gajet.

## **2.2 Syarat Pertandingan**

### **2.2.1 KRS Putera / Puteri**

- 2.2.1.1 Peserta dikehendaki memaparkan video membina gajet **menara peninjau** yang biasa dibina semasa aktiviti perkhemahan.
- 2.2.1.2 Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.
- 2.2.1.3 Video boleh disunting (*edit*) dan boleh guna **time lapse** dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan.
- 2.2.1.4 Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** sahaja sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan**.
- 2.2.1.5 Durasi video mestilah tidak kurang dari **9 minit 30 saat** dan tidak melebihi **10 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi durasi 10 minit TIDAK AKAN DINILAI**.

### **2.2.2 TKRS Putera / Puteri**

- 2.2.2.1 Peserta dikehendaki memaparkan video membina sebuah gajet **meja makan untuk 4 orang** yang biasa dibina semasa aktiviti perkhemahan.
- 2.2.2.2 Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.
- 2.2.2.3 **Video boleh disunting (*edit*) dan boleh guna **time lapse**** dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan.

2.2.2.4 Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** sahaja sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**

2.2.2.5 Durasi video mestilah tidak kurang dari **9 minit 30 saat** dan tidak melebihi **10 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi durasi 10 minit TIDAK AKAN DINILAI.**

### 2.3 Penilaian dan Pemarkahan

#### 2.3.1 Gajet perkhemahan KRS Putera / Puteri

BIL.	ITEM	Markah
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan	
(a)	Langkah-langkah Pembinaan tersusun (Gajet siap) dan kekemasan	30
(b)	Inovasi gajet	10
(c)	Ujian ketahanan	10
(d)	Jenis ikatan dan simpulan	30
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	15
3	Separa Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

**2.3.2 Gajet perkhemahan TKRS Putera / Puteri**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM</b>	<b>Markah</b>
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan	
(a)	Langkah-langkah Pembinaan tersusun (Gajet siap) dan kekemasan	30
(b)	Inovasi gajet	10
(c)	Ujian ketahanan	10
(d)	Jenis ikatan dan simpulan	30
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	15
3	Separa Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

### **3.0 IKHTIAR HIDUP**

#### **3.0 Kategori**

- (i) Berkumpulan (5 orang) KRS Putera
- (j) Berkumpulan (5 orang) KRS Puteri
- (k) Berkumpulan (5 orang) TKRS Putera
- (l) Berkumpulan (5 orang) TKRS Puteri

#### **3.1 Perlaksanaan Aktiviti**

##### **3.1.1 KRS Putera / Puteri**

- (a) Penyertaan adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **pembinaan Jerat binatang kancil beserta penerangan**.
- (c) Setiap pasukan dikehendaki membina satu Jerat binatang.
- (d) Pembinaan jerat selain daripada yang ditetapkan adalah tidak diterima.
- (e) Jerat yang dibina hanya menggunakan kayu, buluh, rotan atau yang bersesuaian sahaja.
- (f) **Peserta dikehendaki menunjuk cara dan memberi penerangan secara lisan @ tulisan ketika pembuatan jerat tersebut.**
- (g) **Maklumat penerangan:**
  - i) Bahan yang digunakan, bahan yang tepat akan memberi kelebihan dalam pemarkahan.
  - ii) Ikatan yang digunakan mestilah kemas beserta teknik yang betul.
  - iii) **Rakaman video semasa pembinaan jerat perlu jelas ketika penerangan.**
- (h) Pembinaan mini jerat adalah tidak dibenarkan.
- (i) Pasukan perlu menerangkan setiap ikatan dan simpulan yang digunakan dalam pembinaan Jerat.

### **3.1.2 TKRS Putera / Puteri**

- (a) Penyertaan adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **pembinaan jerat ikan sungai** beserta penerangan.
- (c) Setiap pasukan dikehendaki membina sebuah jerat binatang dalam air.
- (d) Pembinaan jerat selain daripada yang ditetapkan adalah tidak diterima.
- (e) Jerat dibina hanya menggunakan kayu, buluh, rotan atau yang bersesuaian sahaja.
- (f) **Peserta dikehendaki menunjuk cara dan memberi penerangan secara lisan @ tulisan ketika pembuatan jerat tersebut.**
- (g) **Maklumat penerangan:**
  - i) Bahan yang digunakan, bahan yang tepat akan memberi kelebihan dalam pemarkahan.
  - ii) Ikatan yang digunakan, kemas dan teknik yang betul.
  - iii) **Rakaman video semasa pembinaan jerat perlu jelas ketika penerangan.**
- (h) Pembinaan mini jerat adalah tidak dibenarkan.
- (i) Pasukan perlu menerangkan setiap ikatan dan simpulan yang digunakan dalam pembinaan jerat.

## **3.2 Syarat Pertandingan**

### **3.2.1 KRS Putera / Puteri**

- 3.2.1.1** Peserta dikehendaki memaparkan video membina jerat yang biasa dibina semasa aktiviti ikhtiar hidup.
- 3.2.1.2** Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.
- 3.2.1.3** Video boleh disunting (*edit*) dan **boleh guna time lapse** dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan / tunjuk cara tidak terputus.
- 3.2.1.4** Peserta diwajibkan memakai **separa uniform sahaja** sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**
- 3.2.1.5** Durasi video mestilah tidak kurang dari **4 minit 30 saat** dan tidak melebihi **5 minit** maksimum termasuk intro. Video yang melebihi durasi **5 minit TIDAK AKAN DINILAI.**

### **3.2.2 TKRS Putera / Puteri**

**3.2.2.1** Peserta dikehendaki memaparkan video membina jerat yang biasa dibina semasa aktiviti ikhtiar hidup.

**3.2.2.2** Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.

**3.2.2.3** Video boleh disunting (*edit*) dan boleh guna *time lapse* dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan.

**3.2.2.4** Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** sahaja sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**

**3.2.2.5** Durasi video mestilah tidak kurang dari **4 minit 30 saat** dan tidak melebihi **5 minit maksimum** termasuk intro. Video yang **melebihi durasi 5 minit TIDAK AKAN DINILAI.**

### **3.3 Penilaian dan Pemarkahan**

#### **3.3.1 Ikhtiar Hidup KRS Putera / Puteri**

BIL.	ITEM	Markah
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan	
(a)	Langkah-langkah Pembinaan tersusun (Jerat Siap) dan kekemasan	30
(b)	Inovasi gajet	10
(c)	Ujian ketahanan	10
(d)	Jenis ikatan dan simpulan	30
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	15
3	Separa Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

**3.3.2 Ikhtiar Hidup TKRS Putera / Puteri**

BIL.	ITEM	Markah
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan	
(a)	Langkah-langkah Pembinaan tersusun (jerat siap) dan kekemasan	30
(b)	Inovasi gajet	10
(c)	Ujian ketahanan	10
(d)	Jenis ikatan dan simpulan	30
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	15
3	Separa Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

## **4.0 TALI TEMALI**

### **4.0 Kategori**

- (a) Berkumpulan (5 orang) KRS Putera
- (b) Berkumpulan (5 orang) KRS Puteri
- (c) Berkumpulan (5 orang) TKRS Putera
- (d) Berkumpulan (5 orang) TKRS Puteri

### **4.1 Perlaksanaan Aktiviti**

#### **4.1.1 KRS Putera / Puteri**

- (a) Pengujian adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **Ikatan dan Simpulan** dan persembahan / pembentangan.
- (c) Setiap ahli pasukan dikehendaki membuat tunjuk cara dan persembahan / pembentangan .
- (d) Ikatan dan simpulan selain daripada yang ditetapkan adalah tidak diterima.
- (e) Tali yang digunakan, tali yang tepat akan memberi kelebihan dalam pemarkahan.
- (f) Ikatan / simpulan yang kemas dan teknik yang betul.
- (g) Persembahan peserta menampakkan kefungsian ikatan / simpulan.
- (h) Keadaan video semasa menunjuk cara perlu jelas ketika penerangan.
- (i) Peserta dikehendaki **menunjuk cara, memberi penerangan secara lisan dan menerangkan fungsi-fungsi empat (5) jenis ikatan** berikut:
  - (1) Ikatan Lilit Tong (*Barrel Hitch*)
  - (2) Ikatan Pencuri / Belit Lucut (*Highwayman's Hitch*)
  - (3) Ikatan Simpul Manuk (*Clove Hitch*)
  - (4) Ikatan Tindih kasih (*Bowline*)
  - (5) Ikatan Simpul Pulih (*Sheep Shank Knot*)

#### **4.1.2 TKRS Putera / Puteri**

- (a) Pengujian adalah berbentuk pasukan.
- (b) Markah bagi aktiviti ini akan menggabungkan markah **Ikatan dan Simpulan** dan persembahan / pembentangan.
- (c) Setiap ahli pasukan dikehendaki membuat tunjuk cara dan persembahan / pembentangan .
- (d) Ikatan dan simpulan selain daripada yang ditetapkan adalah tidak diterima.
- (e) Tali yang digunakan, tali yang tepat akan memberi kelebihan dalam pemarkahan.
- (f) Ikatan / simpulan yang kemas dan teknik yang betul.
- (g) Persembahan peserta menampakkan kefungsian ikatan / simpulan.
- (h) Keadaan video semasa menunjuk cara perlu jelas ketika penerangan.
- (i) Peserta dikehendaki **menunjuk cara, memberi penerangan secara lisan dan menerangkan fungsi-fungsi empat (5) jenis ikatan berikut:**
  - (1) Ikatan Buku Sila (*Reef Knot*)
  - (2) Ikatan Simpul Manuk (*Clove Hitch*)
  - (3) Ikatan Lilitan Tuat Line (*Taut Line Hitch*)
  - (4) Ikatan Tindih kasih (*Bowline*)
  - (5) Ikatan Bunga Geti Berganda (*Double Sheet Bend*)

### **4.2 Syarat Pertandingan**

#### **4.2.1 KRS Putera / Puteri**

- 4.2.1.1** Setiap peserta dikehendaki memaparkan video ikatan dan simpulan dengan jelas.
- 4.2.1.2** Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.
- 4.2.1.3** Video boleh disunting (*edit*) dan **boleh guna time lapse** dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan / tunjuk cara tidak terputus.
- 4.2.1.4** Peserta diwajibkan memakai **separa uniform sahaja** sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan**
- 4.2.1.5** Durasi video mestilah tidak kurang dari **3 minit 30 saat** dan tidak melebihi **4 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi 4 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

#### **4.2.2 TKRS Putera / Puteri**

**4.2.2.1** Setiap peserta dikehendaki memaparkan video ikatan dan simpulan dengan jelas.

**4.2.2.2** Rakaman video hendaklah disertakan dengan penerangan yang lengkap sama ada dalam bentuk lisan ataupun tulisan.

**4.2.2.3** Video boleh disunting (*edit*) dan boleh guna *time lapse* dengan tidak menghilangkan langkah-langkah pembinaan / tunjuk cara tidak terputus.

**4.2.2.4** Peserta diwajibkan memakai **separa uniform** sahaja sepanjang rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**

**4.2.2.5** Durasi video mestilah tidak kurang dari **3 minit 30 saat** dan tidak melebihi **4 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi 4 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

#### **4.3 Penilaian dan Pemarkahan**

##### **4.3.1 Tali Temali KRS Putera / Puteri**

BIL.	ITEM	Markah
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan dan tunjuk cara	
(a)	Penerangan ikatan / simpulan	25
(b)	Inovasi persembahan / kefungsian	25
(c)	Teknik ikatan / simpulan	15
(d)	kekemasan	10
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	20
3	Separu Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

**4.3.2 Tali Temali TKRS Putera / Puteri**

BIL.	ITEM	Markah
1	Penerangan semua bahagian secara lisan / tulisan dan tunjuk cara	
(a)	Penerangan ikatan / simpulan	25
(b)	Inovasi persembahan / kefungsian	25
(c)	Teknik ikatan / simpulan	15
(d)	kekemasan	10
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	20
3	Separa Uniform	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

## **5.0 HAFAZAN DAN SURAH**

### **5 (A): HAFAZAN TKRS**

#### **5.1 Kategori**

5.1.1 Terbuka kepada dua (2) kategori:

- (a) Individu TKRS Putera
- (b) Individu TKRS Puteri

#### **5.2 Pelaksanaan Aktiviti**

5.2.1 Peserta dikehendaki memaparkan video hafazan surah.

##### ***Hafazan Surah***

- (i) Surah Al-Fatihah
- (ii) Surah Al-Bayyinah
- (iii) Surah Al 'Aadiyaat

#### **5.3 Syarat Pertandingan**

5.3.1 Rakaman video hafazan hendaklah secara berterusan dan **tidak boleh** disunting (*edit*) potong-sambung. Namun kesan khas grafik (*caption* dan sebagainya) dibenarkan dan dalam bentuk melintang (*landscape*).

5.3.2 Peserta diwajibkan memakai **Uniform Separa atau uniform penuh** semasa rakaman video. **Seluar track sut tidak dibenarkan.**

5.3.3 Peserta dikehendaki duduk di atas kerusi tanpa halangan semasa rakaman

5.3.4 Penggunaan semua jenis mikrofon tambahan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK AKAN DINILAI**.

5.3.5 Peserta dikehendaki **memakai pelitup mata yang legap** ketika rakaman dilakukan. Sekiranya tidak memakai penutup mata, video **tidak akan dinilai**.

5.3.6 Durasi video mestilah tidak melebihi **5 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi 5 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

## **5.4 Penilaian dan Pemarkahan**

### **5.4.1 Hafazan Surah dan Doa TKRS Putera / Puteri**

BIL.	ITEM / PERKARA	MARAH
1	<b>Hafazan Surah</b>	
(a)	Tajwid	40
(b)	Fasohah	20
(c)	Kelancaran dan Persembahan	10
(c)	Suara	15
2	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	10
3	Uniform separa / uniform penuh	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

#### **5.4.2 Hafazan Surah [70 markah]**

##### **(a) Tajwid [40 markah]**

Perkara dihakimi:

- (i) Hukum Nun Sakinah dan Tanwin
- (ii) Hukum Mim Sakinah
- (iii) Makhraj dan sifat Huruf
- (iv) Hukum Mim dan Nun Saddah
- (v) Hukum Ra' dan Lam
- (vi) Hukum Sakhtah, Imalah dan Ibdal
- (vii) Bacaan Basmalah
- (viii) Hukum Wajibal Ghunnah
- (ix) Bahagian Mad
- (x) Hukum Tajwid yang lain
- (xi) Riwayat Hafs Thoriq Asshatibi

##### **(b) Fasohah [20 markah]**

Perkara dihakimi:

- (i) Cermat dalam bacaan
- (ii) Lancar sebutan huruf, lafaz dan ayat
- (iii) Terpelihara segala baris dan tashdid
- (iv) Salah waqaf dan ibtida'
- (v) Terpelihara susunan ayat

##### **(c) Kelancaran dan Persembahan [10 markah]**

Perkara dihakimi:

- (i) Berulang-ulang, terhenti-henti, teragak-agak.
- (ii) Tertinggal/tertambah huruf/salah baris.
- (iii) Teringgal/tertambah kalimah.
- (iv) Salah urutan/melangkau ayat.
- (v) Bacaan tadvir mengikut riwayat hafs.
- (vi) Gagal menghabiskan bacaan yang ditentukan.

(d) Suara [15 markah]

Perkara dihakimi:

- (i) Kemerduan dan kelembutan suara.
- (ii) Suara licin dan bersih.
- (iii) Suara terang, lantang dan nyata.
- (iv) Gaya bacaan mengikut fushah arab dari awal hingga akhir.

## **5. (B): HAFAZAN KRS**

### **5.1 Kategori**

- 5.1.1 Terbuka kepada dua (2) kategori
  - a) Individu KRS Putera
  - b) Individu KRS Puteri

### **5.2 Pelaksanaan Aktiviti**

- 5.2.1 Peserta dikehendaki memaparkan video hafazan ayat dan doa:
  - 1) *Hafazan Surah*
    - 5.2.1.1.1 Surah Al-Kahfi ayat 101-110
  - 2) *Hafazan Doa*
    - 5.2.1.2.1 Doa Qunut
    - 5.2.1.2.2 Tahiyyat akhir serta selawat Ibrahimiah

### **5.3 Syarat Pertandingan**

- 5.3.1 Rakaman video hafazan hendaklah secara berterusan dan **tidak boleh disunting (edit)** potong- sambung. Namun kesan khas grafik (*caption* dan sebagainya) dibenarkan dan dalam bentuk melintang (*landscape*).
- 5.3.2 Peserta diwajibkan memakai **Uniform Lengkap KRS No. 4** semasa rakaman video.
- 5.3.3 Peserta dikehendaki duduk di atas kerusi tanpa halangan semasa rakaman video.
- 5.3.4 Penggunaan semua jenis mikrofon tambahan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK AKAN DINILAI**.
- 5.3.5 Peserta diwajibkan **memakai pelitup mata yang legap** ketika rakaman dilakukan. Sekiranya tidak memakai penutup mata video **TIDAK AKAN DINILAI**.
- 5.3.6 Durasi video mestilah tidak melebihi **5 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi 5 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

## 5.4 Penilaian dan Pemarkahan

### 5.4.1 Hafazan Surah dan Doa KRS Putera / Puteri

BIL.	ITEM / PERKARA	MARKAH
1	Hafazan surah	
(a)	Tajwid	20
(b)	Fasohah	5
(c)	Kelancaran dan Persembahan	15
(d)	suara	10
2.	Hafazan doa	
(a)	Kelancaran	15
(b)	Persembahan	10
(c)	suara	10
3.	Kualiti video (audio / video / muzik latar / kreativiti)	10
4.	Uniform (lengkap) - Uniform KRS No. 4	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

#### **5.4.1 Hafazan Surah [50 markah]**

a) Tajwid [20 markah]

Perkara dihakimi:

- (a) Hukum tarqiq dan tafkhim.
- (b) Hukum mad asli, mad badal, mad iwad, mad silah qosirah dan thowilah, mad wajib muttasil, mad jaiz munfasil, mad lazim kalimi dan harfi, mad farq, mad arid lissukun.
- (c) Kadar ghunnah 2 harakat.
- (d) Hukum bacaan tajwid yang lain.

b) Fasohah [5 markah]

Perkara dihakimi:

- (a) Makhraj huruf dan sifat.
- (b) Hukum waqaf dan ibtida'.
- (c) Cermat dalam melafazkan kalimah al-Quran.
- (d) Fasih dalam bacaan dan berfasohah arab.
- (e) Ketepatan membunyikan fathah, kasrah dan dhommah tanpa dialek (loghat) kedaerahan.
- (f) Membunyikan huruf-huruf sukun dan huruf-huruf bertasydid.
- (g) Membunyikan huruf-huruf sukun dan huruf-huruf bertasydid.
- (h) Kelancaran dan kelembutan pada membaca kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran (tidak menyambar).

c) Kelancaran dan Persembahan [15 markah]

Perkara dihakimi:

- (a) Berulang-ulang, terhenti-henti, teragak-agak.
- (b) Tertinggal/tertambah huruf/salah baris.
- (c) Teringgal/tertambah kalimah.
- (d) Salah urutan/melangkau ayat.
- (e) Bacaan tadwir mengikut riwayat hafs.
- (f) Gagal menghabiskan bacaan yang ditentukan.

d) Suara [10 markah]

Perkara dihakimi:

- (a) Kemerduan dan kelembutan suara.
- (b) Suara licin dan bersih.
- (c) Suara terang, lantang dan nyata.
- (d) Gaya bacaan mengikut fushah arab dari awal hingga akhir.

**5.4.2 Hafazan Doa [35 markah]**

5.4.2.1 Kelancaran [15 markah] Perkara dihakimi:

- 5.4.2.1.1 Berulang-ulang, terhenti-henti, teragak-agak.
- 5.4.2.1.2 Tertinggal/tertambah huruf/salah baris.
- 5.4.2.1.3 Teringgal/tertambah kalimah.
- 5.4.2.1.4 Salah urutan/melangkau ayat.
- 5.4.2.1.5 Gagal menghabiskan hafazan doa yang ditentukan.
- 5.4.2.1.6 Gagal membaca dengan makhraj huruf yang betul.

5.4.2.2 Persembahan [10 markah] Perkara dihakimi:

- 5.4.2.2.1 Gaya bacaan mengikut fushah arab dari awal hingga akhir.
- 5.4.2.2.2 Alunan bertepatan dengan maksud doa yang di hafal.

5.4.2.3 Suara [10 markah] Perkara dihakimi:

- 5.4.2.3.1 Kemerduan dan kelembutan suara.
- 5.4.2.3.2 Suara licin dan bersih.
- 5.4.2.3.3 Suara terang, lantang dan nyata.
- 5.4.2.3.4 Suara tidak berubah.
- 5.4.2.3.5 Gaya bacaan mengikut fushah arab dari awal hingga akhir.

## **6.0 PENGUCAPAN AWAM**

### **6 (A) : MORAL – PENGUCAPAN AWAM TKRS**

#### **6.1 Kategori**

6.1.1 Terbuka kepada dua (2) kategori iaitu:

- (a) Individu TKRS Putera
- (b) Individu TKRS Puteri

#### **6.2 Syarat Penyertaan**

6.2.1 Peserta hanya terdiri daripada kadet bukan beragama Islam (*non-muslim*).

6.2.2 Peserta perlu menyampaikan pengucapan awam dengan **tajuk** di bawah:

- (a) **Peranan dan Kepentingan Kegiatan Kokurikulum dalam menyemai semangat perpaduan Malaysia Madani**

6.2.3 Rakaman video pengucapan awam hendaklah secara berterusan dan **tidak boleh disunting (edit)**. Namun kesan khas grafik (*caption* dan sebagainya) dibenarkan dan rakaman video dalam bentuk melintang (*landscape*).

6.2.4 Peserta diwajibkan memakai **Uniform Lengkap TKRS No. 3** semasa rakaman video.

6.2.5 Paparan peserta wajib penuh **tanpa halangan** jika terdapat halangan penyertaan **TIDAK AKAN DINILAI**.

6.2.6 Pihak pengajur **berhak menolak atau membatalkan** mana-mana penyertaan yang **meragukan / tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan**. Hakim akan merujuk kepada Ketua Hakim untuk pengesahan status penyertaan peserta.

6.2.7 Penggunaan semua jenis mikrofon tambahan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK AKAN DINILAI**.

6.2.8 Durasi video mestilah tidak kurang dari 3 minit 30 saat dan tidak melebihi **4 minit** maksimum termasuk intro. Video yang **melebihi 4 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

## **6.1 Penilaian dan Pemarkahan**

### **6.1.1 Pengucapan Awam TKRS Putera / Puteri**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM / PERKARA</b>	<b>MARKAH</b>
(a)	Pengenalan	10
(b)	Kefasihan bertutur	20
(c)	Kebolehan penyampaian	25
(d)	Keyakinan ketika bertutur	10
(e)	Personaliti / Keterampilan	10
(f)	Penutup / Kesimpulan	10
(g)	Kualiti video (audio / video / kreativiti)	10
(h)	Pakaian (lengkap) - Uniform TKRS No. 3	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

## **6 (B): MORAL – PENGUCAPAN AWAM KRS**

### **6.1 Kategori**

6.1.1 Terbuka kepada dua (2) kategori:

- (a) Individu KRS Putera
- (b) Individu KRS Puteri

### **6.2 Syarat Pertandingan**

6.2.1 Peserta hanya terdiri daripada kadet bukan beragama Islam (*non-muslim*). Peserta perlu menyampaikan pengucapan awam dengan **tajuk** di bawah:

- (a) **Peranan dan Kepentingan Kegiatan Kokurikulum dalam menyemai semangat perpaduan Malaysia Madani**

6.2.2 Rakaman video pengucapan awam hendaklah secara berterusan dan **tidak boleh disunting (edit)**. Namun kesan khas grafik (*caption* dan sebagainya) dibenarkan dan rakaman video dalam bentuk melintang (*landscape*).

6.2.3 Peserta diwajibkan memakai **Uniform Lengkap KRS No. 4** semasa rakaman video.

6.2.4 Paparan peserta wajib penuh **tanpa halangan** jika terdapat halangan penyertaan **TIDAK AKAN DINILAI**.

6.2.5 Pihak pengajur **berhak menolak atau membatalkan** mana-mana penyertaan yang **meragukan / tidak mengikut atau memenuhi terma dan syarat pertandingan**. Hakim akan merujuk kepada Ketua Hakim untuk pengesahan status penyertaan peserta.

6.2.6 Penggunaan semua jenis mikrofon tambahan adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan **TIDAK AKAN DINILAI**.

6.2.7 Durasi video mestilah tidak kurang dari 3 minit 30 saat dan tidak melebihi **4 minit maksimum** termasuk intro. Video yang **melebihi 4 minit** durasi yang ditetapkan **TIDAK AKAN DINILAI**.

## **6.3 Penilaian dan Pemarkahan**

### **6.3.1 Pengucapan Awam KRS Putera / Puteri**

<b>BIL.</b>	<b>ITEM / PERKARA</b>	<b>MARKAH</b>
(a)	Pengenalan	10
(b)	Kefasihan bertutur	20
(c)	Kebolehan penyampaian	25
(d)	Keyakinan ketika bertutur	10
(e)	Personaliti / Keterampilan	10
(f)	Penutup / Kesimpulan	10
(g)	Kualiti video (audio / video / kreativiti)	10
(h)	Pakaian (lengkap) - Uniform KRS No. 4	5
	<b>Jumlah markah</b>	<b>100</b>

## **7.1 Kategori**

### **7.0 Panel penilai.**

Panel penilai akan dilantik oleh pihak JPN bagi pertandingan peringkat negeri manakala panel penilai pertandingan peringkat kebangsaan akan dilantik oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **8.0 Sijil**

- 8.1 Sijil penyertaan dan pencapaian peringkat negeri akan disediakan oleh Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.
- 8.2 Sijil Penyertaan Peringkat Kebangsaan akan dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melalui pihak pengelola dan akan diserahkan kepada Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing.
- 8.3 **Sijil pencapaian** pemenang hanya tempat **1 hingga 5** akan disediakan oleh pihak pengelola mengikut kategori putera dan puteri.

### **9.0 Keterangan lanjut mengenai pertandingan ini, sila hubungi:**

Urusetia Peringkat Kebangsaan

Encik Ong Gim Huat  
Penolong pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
03-8841256

Encik Basri Efendi Bin Masri  
Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid,  
Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor  
07-2311493 @ 012-7410257

Urusetia Peringkat Negeri

Encik Basri Efendi Bin Masri  
Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid,  
Sektor Pembangunan Murid, JPN Johor  
07-2311493 @ 012-7410257

Penolong Pegawai Pembangunan Bakat Murid  
Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor

## 11.0 **Penutup**

Pelaksanaan program ini akan memberi ruang dan peluang kepada ahli ahli Kadet Remaja Sekolah dan Tunas Kadet Remaja untuk terus mempamerkan kebolehan dan kemahiran mereka dalam bentuk yang berbeza (paparan video). Penyertaan murid dalam pertandingan ini juga akan menjinakkan mereka untuk mengeksplorasi ilmu dan kemahiran tambahan iaitu kemahiran teknologi maklumat (IT) di samping berkongsi kemahiran dan bakat yang ada pada mereka.

### LINK PENGHANTARAN PERINGKAT NEGERI JOHOR SAHAJA

<https://forms.gle/6BcVyBFiQv5Sb2Y79>

